

23.11.2019

SIARAN MEDIA

SALURAN PAIP DASAR LAUT KETIGA SATU PROJEK BERPANDANGAN JAUH BAGI PULAU PINANG

- **Apabila projek itu siap menjelang akhir tahun 2020, ia akan meningkatkan jaminan keselamatan bekalan air di kawasan selatan pulau.**

PULAU PINANG, Sabtu, 23.11.2019: Kerja-kerja untuk fasa akhir Projek Saluran paip berkembar dasar laut ke-3 Pulau Pinang (PTSP ke-3) dilaksanakan mengikut jadual, dan berjalan lancar dijangka siap menjelang akhir tahun 2020.

Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow berkata projek bernilai RM114.3 juta itu merupakan projek bekalan air berpandangan jauh.

Beliau berkata 3 manfaat utama projek PTSP ke-3 adalah:

1. Membolehkan penyaluran 315 juta liter air bersih sehari (MLD) yang lebih efisien dari Seberang Prai ke Pulau Pinang.
2. Sokongan kepada saluran paip berkembar dasar laut yang pertama di Pulau Pinang yang ditauliahkan pada tahun 1973. “Saluran paip lama” ini hampir mencapai usia akhir (EOL) selepas 46 tahun;
3. Menyokong dasar “tiada catuan air” Kerajaan Negeri untuk masa akan datang.

“Sekiranya anda tertanya-tanya mengenai magnitud projek ini, ia direka untuk menyalurkan 315 MLD air terawat. Jumlah air ini akan mengisi 126 kolam renang Olimpik setiap hari,” katanya.

Beliau berkata projek PTSP ke-3 akan meningkatkan jaminan bekalan air untuk penduduk yang tinggal di kawasan selatan Pulau Pinang, bermula dari Bukit Dumbar ke Teluk Kumbar. Sebahagian daripada air terawat juga akan disalurkan ke Balik Pulau.

Oleh itu, YAB Tuan Chow berkata, projek PTSP ke-3 akan memberi manfaat kepada kira-kira 500,000 penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan.

“Lebih-lebih lagi terdapat beribu-ribu perniagaan yang beroperasi di kawasan ini, termasuk syarikat pembuatan berteknologi tinggi antarabangsa dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Bayan Lepas dan Batu Maung. Beribu-ribu pengguna air perniagaan juga akan mendapat manfaat daripada projek PTSP ke-3,” kata YAB Tuan Chow.

“Saya juga ingin menekankan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan pelbagai projek pembangunan sosio ekonomi di kawasan selatan pulau untuk masa depan.

“Kita mesti perlu menyalurkan lebih banyak air ke kawasan-kawasan ini pada masa akan datang, sejajar dengan jangkaan pertumbuhan penduduk dan pertumbuhan sosio ekonomi. Sehubungan itu, kita boleh menjangkakan jumlah yang menerima manfaat daripada projek PTSP ke-3 akan meningkat di masa akan datang,” katanya ketika lawatan teknikal ke tapak projek PSP ke-3 Macallum hari ini.

YAB Tuan Chow memuji PBAPP kerana pendekatan pandangan jauhnya dalam kejuruteraan bekalan air bagi Pulau Pinang.

“Projek PTSP ke-3 ini merupakan projek kejuruteraan bekalan air berorientasikan masa depan yang baik. Oleh itu, saya ingin memuji PBAPP kerana mempunyai pandangan jauh untuk melaksanakannya sekarang, demi kepentingan Pulau Pinang dan rakyatnya,” kata beliau.

Kemajuan Kerja

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa berkata kerja-kerja projek PTSP ke-3 dibahagikan kepada 3 fasa yang berbeza:

- Pakej 1, merujuk kepada pemasangan saluran paip tanah 1,800mm sepanjang 0.9km di kawasan Macallum yang telah siap pada November 2017, dengan kos RM9.2 juta,.
- Pakej 2, yang meliputi pemasangan saluran paip tanah 1,800mm

sepanjang 0.8km di Butterworth telah siap pada Ogos 2019, dengan kos RM15.2 juta,.

- Pakej 3, yang membabitkan pemasangan saluran paip dasar laut berkembar 1,200mm sepanjang 3.2km merentasi selat yang memisahkan tanah besar dari pulau itu, kini dalam pelaksanaan. Kos untuk fasa ini ialah RM89.9 juta.

Dato' Ir. Jaseni berkata Fasa 3 berjalan mengikut jadual; dan merumuskan kemajuan kerja semasa seperti berikut:

Kerja-kerja Semasa Pakej 3		Seperti Jadual	Selesai sehingga 31.10.2019
1	Mengorek peparit dasar laut untuk pemasangan saluran paip dasar laut	45%	40%
2	Kerja penambakan tanah	50%	70%
3	Kerja perlindungan pantai	25%	50%
4	Kemajuan keseluruhan	33.53%	34.04%

Beliau berkata kerja-kerja tambahan dijadual bermula pada tahun 2020 akan merangkumi:

Kerja-kerja akan datang Pakej 3	Jadual
4 Memasang saluran paip dasar laut 3.2km ke dalam peparit	Mac hingga Mei 2020
5 Pembersihan & ujian tekanan saluran paip dasar laut	Mei hingga September 2020
6 Kerja pengisian semula untuk mengukuhkan saluran paip dasar laut	Jun hingga September 2020
7 Sambungan akhir saluran paip dasar laut ke saluran paip tanah	Jun hingga September 2020
8 Perlindungan paip katod	September 2020

“Berdasarkan status keseluruhan pengorekan parit, kerja penambakan dan perlindungan pantai pada masa ini, projek PTSP ke-3 berjalan mengikut jadual. Oleh itu, PBAPP berharap untuk pentauliahannya sepenuhnya projek ini menjelang akhir tahun 2020.



“Projek ini sedang dilaksanakan oleh PBAPP dengan keseluruhan kos RM114.3 juta, untuk manfaat negeri Pulau Pinang,” kata beliau.

“Kini, tanggungjawab utama kami adalah Tiada Catuan Air. Ini merupakan salah satu daripada projek utama yang dirancang dan dilaksanakan untuk memenuhi permintaan air di Pulau Pinang pada masa hadapan,” tambah beliau.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my